

KUALA LUMPUR, Jumaat — Timbalan Perdana Menteri, Dr. Mahathir Mohamad berkata, Kerajaan sehingga ini tidak melarang rakyat negeri ini bekerja di seberang laut.

Katanya, "Setakat ini kita tidak bertujuan melarang rakyat negeri ini bekerja di negara-negara lain dan tidak ada dasar tertentu dibuat dalam perkara ini sekarang."

Bagaimana pun, tegas Dr. Mahathir, Kerajaan sentiasa mengawasi dan memerhatikan akibat atau kesan-kesannya berhubung dengan perkara tersebut.

Dalam pertemuan dengan Berita Harian pagi ini, beliau menegaskan lagi bahawa Kerajaan tidak pernah mengabaikan tanggungjawabnya terhadap kepentingan dan masa depan negara dari segi tenaga pekerja.

Beliau diminta mengulas tentang adanya syarikat-syarikat swasta sejak akhir-akhir ini mengiklankan pengambilan pekerja-pekerja mahir, separuh mahir dan buruh kasar negara ini untuk bekerja di Arab Saudi.

Menurut iklan-iklan itu, para pekerja itu diambil secara kontrek selama enam bulan dan boleh dibaharui bagi jawatan-jawatan seperti Pengurus Lalulintas bagi gerakan perkapalan, Pengurus Setor, Penyelia Gerakan Laut, Pegawai Pengangkutan, Pegawai-Pegawai Gerakan Barangan, Pegawai-Pegawai Mekanikal, Penyelia-penyelia Elektrik, Juru-jurukira, Penyelia-penyelia Bangunan, Pegawai-pega-wai Pentadbir, Kebajikan dan kakitangan, Kerani Kira-kira, Kerani biasa, Tukang Wang, Juru-jurutaip.

Penjaga Stor, Pengawal-pengawal keselamatan, Kerani Stor, Pelayan Pejabat, Pemandu-pemandu lori, dan berbagai lagi ker-

ja di peringkat rendah.

Dr. Mahathir berkata, Kerajaan sedar ramai rakyat negeri ini keluar bekerja di negara-negara lain.

Menurut beliau, keadaan ini berlaku mungkin kerana mereka tidak dapat kerja di negeri ini ataupun pendapatan di sini kurang dari yang ditawarkan di luar negeri.

"Kita juga sedar Negara-negara Arab sekarang berjanji dengan pesatnya. Sudah tentu mereka berkehendakkan banyak tenaga manusia," ujarnya.

Selain dari rakyat Malaysia, katanya lagi, orang-orang Korea juga didapati ramai berhijrah ke negara-negara Arab untuk bekerja.

Dr. Mahathir menasihatkan mereka yang hendak pergi bekerja di luar negeri memastikan dahulu tentang layanan dan kebajikan mereka di sana sebelum menerima sesuatu jawatan.

Kerajaan, tambahnya, tidak menyekat mereka untuk keluar bekerja di negara-negara lain.

Bagaimanapun, tegasnya, Kerajaan turut bertanggungjawab terhadap apa yang berlaku ke atas rakyat negeri ini di negara-negara itu.

Selalu diawasi

"Tetapi tanggungjawab kita itu tidak sepenuhnya, Kerajaan akan memerhati setakat yang boleh kerana mereka itu pergi dengan sesuka hati sendiri," katanya lagi.

Ditanya, adakah hijrah pekerja-pekerja Malaysia itu bertentangan dengan dasar pembangunan negara.

Dr. Mahathir berkata, Kerajaan sentiasa mengawasi dan memerhatikan tentang kesan-kesannya dalam hubungan ini.

"Sehingga ini kita belum lagi tahu akibat dan kesan-kesannya," kata beliau.

Sementara itu, Jabatan Tenaga Rakyat memberitahu pihaknya tidak ada menyimpan rekod-rekod penghijrahan rakyat negeri ini yang keluar bekerja di negara-negara lain.

Menurut seorang jurucakapnya, tidak ada pendaftaran dibuat dalam perkara tersebut sehingga ini.

Katanya, para pekerja berkenaan tidak pernah menghubungi jabatan tersebut, sebaliknya menghubungi syarikat-syarikat berkenaan secara langsung.

Syarikat-syarikat berkenaan juga, kata jurucakap itu lagi, membuat hubungan terus dengan wakil-wakil mereka di negara-negara berkenaan tanpa melalui atau memberitahu jabatan tersebut.

Penjelasan

Menurutnya, ini mungkin disebabkan sehingga ini Kerajaan belum mempunyai sebarang dasar tertentu bagi mengawal penghijrahan beramai-ramai tenaga pekerja mahir, separuh mahir dan buruh kasar ke luar negeri.

Sementara itu, Jurucakap di Kedutaan Arab Saudi di sini berkata, Kerajaan tidak dihubungi cara langsung oleh syarikat-syarikat berkenaan.